

**Guna inovasi ubah dasar lama – Dr. M
Utusan Online
October 14, 2011
Oleh FAIZAH IZZANI ZAKARIA**

KUALA LUMPUR 13 Okt. – Kerajaan disaran menjadikan aspek inovasi sebagai cara untuk menyelesaikan pelbagai masalah yang dihadapi terutama dalam memperbaiki atau mengubah dasar-dasar lama yang sudah kurang relevan kepada masyarakat Malaysia.

Bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad berkata, ini kerana masih banyak dasar yang perlu dilihat atau dikaji semula kerana ia kini sudah menjadi satu halangan untuk membangunkan negara dengan lebih baik.

“Fikiran yang inovatif selalunya akan dapat menyelesaikan halangan. Kadang-kadang kita perlu mencari cara untuk menghadapi halangan atau kerenah birokrasi terhadap undang-undang yang sudah lapuk.

“Sebagai contoh, tanah rizab Melayu walaupun dinamakan atas orang Melayu tetapi sebenarnya dimiliki oleh ramai orang Cina kerana mereka menggunakan pemilik Melayu untuk memilikinya. Inilah inovasi. Seperti di Langkawi yang semuanya tanah rizab Melayu, tetapi ramai orang Eropah juga memilikinya. Mereka berfikir cara lain untuk menempuh halangan dasar ini,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika menyampaikan ucap-tama pada Persidangan Inovasi Persekutuan Pengilang-Pengilang Malaysia (FMM) 2011 di sini, hari ini.

Katanya, langkah mengkaji semula sesetengah dasar itu penting memandangkan negara yang kian membangun dan rakyat yang semakin bertambah seiring dengan keadaan semasa pada hari ini.

Pada sidang akhbar selepas itu, Dr. Mahathir berkata, banyak dasar mengenai pembinaan dan pembangunan negara yang boleh dikaji semula oleh kerajaan kerana banyak daripadanya sudah lapuk dan tidak boleh digunakan lagi.

“Sebab itu, amat penting untuk kita berinovasi dalam menyelesaikan masalah ini. Tetapi ia perlu sentiasa dilakukan (inovasi). Tidak semestinya apabila kita sudah melakukannya (inovasi) ia perlu berhenti di situ sahaja. Inovasi adalah proses berterusan,” katanya.

Menyentuh mengenai Bajet 2012 yang menyediakan peruntukan bagi inovasi, Dr. Mahathir berkata, apa yang disediakan kerajaan itu sememangnya tidak akan pernah mencukupi kerana banyak perkara baru akan terhasil.

“Akan ada perkara berbangkit lain tetapi isu inovasi mesti turut diambil perhatian. Apa yang ditawarkan kerajaan melalui bajet ini adalah yang terbaik tetapi persoalannya ialah pelaksanaan,” katanya.

Bertanya mengenai belanjawan pakatan pembangkang, Dr. Mahathir berkata, perkara itu hanya mimpi kosong mereka.

“Sudah tentu apabila kita tiada kuasa untuk berbelanja, maka kita akan tahu macam mana untuk gunakan wang orang lain.

“Tunggu sehingga mereka jadi kerajaan, baru mereka tahu susahnya untuk buat duit dan sebijak mana mereka nak belanjakan,” katanya.

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source:

http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2011&dt=1014&pub=Utusan_Malaysia&sec=Dalam_Negeri&pg=dn_09.htm